

BH 27/12

Ringgit dijangka terus berdepan tekanan pada minggu ini, termasuk mungkin memecah paras 4.50 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) berikutan pengaliran keluar dana asing secara berterusan daripada pasaran negara pesat membangun.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Runcit Affin Hwang Investment Bank, Datuk Dr Nazri Khan Adam Khan, berkata unit tempatan itu disebut harga pada paras 4.4780 berbanding dolar AS Selasa lalu yang terendah sejak paras 4.71 dicatatkan pada Januari 1998.

"Pengaliran keluar dana asing itu disebabkan oleh tindakan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) menaikkan kadar faedah serta jangkaan lebih banyak langkah sama diambil pada 2017 selain dasar baharu bakal Presiden AS Donald Trump membabitkan perbelanjaan infrastruktur dan potongan cukai," katanya kepada Bernama.

Selain itu, katanya, kelemahan harga komoditi seperti minyak mentah dan minyak sawit mentah juga dijangka mengheret turun ringgit pada minggu ini.

Bagi minggu yang baru berakhir, ringgit bagaimanapun lebih tinggi pada paras

4.4725/4755 berbanding dolar AS daripada 4.4755/4795, Jumaat lalu serta naik berbanding mata wang asing utama lainnya kecuali yen.

Ringgit juga tinggi berbanding dolar Singapura kepada 3.0934/0959 daripada 3.1015/1058 Jumaat lalu, naik berbanding pound Britain kepada 5.4904/4946 daripada 5.5568/5640 minggu sebelumnya dan meningkat kepada 4.6751/6800 berbanding euro daripada 4.6823/6887, sebelum ini.

Ia bagaimanapun susut kepada 3.8112/8145 berbanding yen daripada 3.7899/7959 pada Jumaat terdahulu. **BERNAMA**



Unit tempatan itu disebut harga pada paras 4.4780 berbanding dolar AS Selasa lalu yang terendah sejak paras 4.71 dicatatkan pada Januari 1998"

Nazri Khan Adam Khan,
Naib Presiden dan Ketua
Penyelidikan Runcit Affin
Hwang Investment Bank